


# **Correspondences**

---



## JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR

Tingkat 4 - 6 Bangunan Asia Life  
Jalan Telok Sisek  
25662 KUANTAN.

Telefon: 09-5165211 / 09-5134969  
Fax: 09-5162075 / 09-5162816  
Email : pahang@doe.gov.my  
Laman web : www.doe.gov.my

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: AS : C(S)29/012/200/001(25)

Tarikh: 4 Disember 2007



Franky Construction Sdn. Bhd.  
A-7370, 1<sup>st</sup> Floor  
Jalan Kubang Buaya  
**25250 KUANTAN**

(u.p. : En. Ir. Cheong Yew Teck)

Faks : 09 – 568 1511

Tuan,

### KERJA-KERJA AWAL BAGI LOT PT8249 DAN PT13637 SELUAS 250 EKAR DI KAWASAN PERINDUSTRIAN GEBENG

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada surat tuan rujukan FC/FC069/L/07/001 bertarikh 28 November 2007 berhubung perkara di atas.

2. Dimaklumkan, hasil daripada semakan dan penilaian terhadap permohonan tuan, didapati tapak adalah terletak di dalam Kawasan Perindustrian Gebeng Fasa III. Laporan EIA bagi Kawasan Perindustrian ini telah diluluskan melalui surat Jabatan ini AS:C50/013/705/016 bertarikh 15 Disember 1998. Mengikut Syarat Kelulusan EIA No. 1 (Konsep Pembangunan Projek) dalam surat kelulusan tersebut, pihak pemaju dibenarkan untuk menjalankan kerja-kerja penyediaan awal infrastruktur. Walaubagaimanapun, tuan dikehendaki mematuhi syarat-syarat seperti berikut untuk mengurangkan kesan pencemaran kepada persekitaran, iaitu :

- i) Pelan kerjatanah dan rekabentuk terperinci termasuk kedudukan /pembinaan perangkap mendap, kolam perangkap mendap dan sistem perparitan untuk menyalur air larian permukaan hendaklah disediakan dan mendapat kelulusan Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pahang sebelum kerja tanah dimulakan. Satu salinan pelan yang diluluskan hendaklah dikemukakan ke Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang sebelum kerja tanah dimulakan ;
- ii) Sebarang pelepasan air/bendarir dari perangkap mendap kemana-mana alurair hendaklah dikawal sepanjang masa kerja tanah dan pembinaan serta mesti mematuhi Standard B, Jadual Ketiga, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeling (Kumbahan dan Effluen-Effluen Perindustrian) 1979 ;
- iii) Pembakaran terbuka sisa tumbuhan, sisa binaan atau apa-apa bahan yang boleh terbakar adalah dilarang sama sekali sepertimana tertakluk di bawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeling 1974 (Pindaan) 1996 ;

(Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung)

- iv) Roda-roda jentera kenderaan kerja binaan hendaklah dibersihkan terlebih dahulu sebelum dibenarkan bergerak diatas jalanraya awam dan kemudahan penyemburan air ke atas sekitar tapak pembinaan hendaklah dilaksanakan ;
- v) Bahagian muatan lori pengangkut hendaklah ditutup sepenuhnya sepanjang masa aktiviti pengangkutan bahan binaan dijalankan ;
- vi) Sebarang Buangan Terjadual seperti mana tersenarai di Jadual Pertama, Peraturan 2, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 mestilah diurus dengan sempurna mengikut kaedah-kaedah yang ditetapkan dalam peraturan tersebut. Sisa-sisa ini, seperti buangan minyak hanya boleh dilupuskan di premis yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar ;
- vii) Semua sisa pepejal, selain daripada buangan terjadual hendaklah dilupuskan dengan sempurna di tapak pelupusan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Sisa-sisa buangan jenis *biodegradable* boleh dilupuskan dengan kaedah *composting* di kawasan yang sesuai dalam tapak projek. Pelupusan sisa-sisa pepejal secara kambus (*filling*) dalam kawasan projek adalah dilarang sama sekali ;
- viii) Semua aktiviti-aktiviti berkaitan kerja tanah hendaklah dijalankan semasa musim kering dan mematuhi *Guidelines for Prevention and Control of Soil Erosion and Siltation in Malaysia, Oktober 1996*, terbitan Jabatan Alam Sekitar Malaysia ; dan
- ix) Pemaju/kontraktor hendaklah menyediakan satu laporan lengkap pematuhan berserta gambarfoto berkaitan yang menunjukkan bahawa semua syarat kebenaran di atas dipatuhi sepenuhnya. Laporan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang setiap minggu tanpa gagal sebaik sahaja kerja tanah dimulakan.

3. Adalah diingatkan bahawa tindakan tegas akan diambil ke atas tuan di bawah **Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974** sekiranya syarat-syarat di atas tidak dipatuhi sepenuhnya.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"  
"INTEGRITI ASAS PENINGKATAN KUALITI"**

Saya yang menurut perintah,

(AZURI AZIZAH BINTI HJ. SAEDON)

b.p : Pengarah  
Jabatan Alam Sekitar Negeri Pahang

s.k. :

1. Ketua Eksekutif  
Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang  
Tingkat 16, Kompleks Teruntum  
Jalan Mahkota  
**25000 KUANTAN**
  
2. Yang Di Pertua  
Majlis Perbandaran Kuantan  
Jalan Tanah Putih  
**25000 KUANTAN**
  
3. Pengarah  
Jabatan Pengairan dan Saliran Pahang  
Tingkat 8, Kompleks Tun Razak  
Bandar Indera Mahkota  
**25700 KUANTAN**
  
4. Perunding Ranhill Worley Sdn. Bhd  
13<sup>th</sup> Floor, Empire Tower  
City Square Centre  
182 Jalan Tun Razak  
**50400 KUALA LUMPUR**
  
5. Fail : **AS:C(S)50/013/705/006**  
Kawasan Perindustrian Gebeng III & IV Kuantan